

## Soalan Lazim untuk Bantuan Bayaran Balik Bersasar Untuk individu di bawah kategori B40

| No. | Soalan  | Jawapan  |
|-----|---|--|
| 1.  | Siapakah pelanggan – pelanggan di bawah kategori B40 yang layak menerima bantuan? | <p>B40 adalah individu/pelanggan yang berdaftar dalam pangkalan data 'Bantuan Sara Hidup' (BSH):</p> <p>i. Isi-rumah (pendapatan bulanan ≤RM4,000.00);<br/>atau ii. Bujang (pendapatan bulanan ≤RM2,000.00).</p> <p><b>Nota:</b><br/>Untuk pelanggan-pelanggan yang menepati definisi kategori B40 seperti di atas:</p> <p>a. Pelanggan yang pasangannya penerima BSH layak menerima bantuan ini.</p> <p>b. Kepada mereka yang tidak memilih untuk menyertai moratorium (yang diumumkan pada Mac 2020), juga layak menerima bantuan ini.</p> <p>c. MBSB/MBSB Bank juga akan mempertimbangkan permohonan daripada pelanggan yang telah menyertai bantuan bayaran balik bersasar/ program bayaran fleksibel dan mengira semula plan bantuan baru dengan sewajarnya.</p> <p>d. Tiada dokumen yang diperlukan dari pelanggan untuk pembuktian kelayakan. MBSB/MBSB Bank akan hanya merujuk pada data BSH dan tiada kriteria tambahan akan dikenakan.</p> |
| 2.  | Pembiayaan apakah yang layak menerima bantuan?                                    | <p>Pembiayaan seperti di bawah yang telah diluluskan sebelum 1 Oktober 2020 dan tiada tunggakan melebihi 90 hari dari tarikh permohonan/pengesahan pelanggan:</p> <p>a. Pembiayaan Perumahan;</p> <p>b. Pembiayaan Peribadi;</p> <p>c. Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan</p> <p>i;</p> <p>d. Perusahaan Mikro dengan pembiayaan sehingga RM150,000.00, dengan syarat seperti berikut:</p> <p>i. Tertakluk pada mana-mana pembiayaan dengan nilai kelulusan sehingga RM150,000.00; dan</p> <p>ii. Dilanjutkan kepada pelanggan yang ditakrifkan sebagai perusahaan mikro menurut '<i>Guideline on SME Definition terbitan</i> SME Corporation Malaysia', termasuk entiti bisnes di dalam semua sector:</p> <p>a. Pulangan jualan kurang dari RM300,000.00;<br/>atau b. Kurang dari 5 pekerja sepenuh masa.</p>   |

| No. | Soalan  | Jawapan  |
|-----|---|--|
| 3.  | Apakah bantuan atau pilihan yang ditawarkan?                                  | <p>Bantuan akan diberikan kepada pelanggan/pembiayaan yang layak menerima bantuan yang ditetapkan:</p> <p><b>Pilihan 1</b><br/>3 bulan penangguhan (moratorium) bayaran bulanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah yang tertangguh; dan</li> <li>ii. Pengstruktur semula pembiayaan dengan penambahan kadar keuntungan/kos berdasarkan perubahan pembiayaan (lanjutan tempoh pembiayaan) pada kontrak aliran tunai.</li> </ul> <p><b>Pilihan 2</b><br/>50% pengurangan bayaran bulanan sehingga 6 bulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelanggan boleh memohon peratus pengurangan yang lebih rendah; dan</li> <li>ii. Keuntungan akan terus terakru pada perbezaan jumlah; dan</li> <li>iii. Pengstruktur semula pembiayaan dengan penambahan kadar keuntungan/kos berdasarkan perubahan pembiayaan (lanjutan tempoh pembiayaan) pada kontrak aliran tunai.</li> </ul> <p>Bantuan ini akan tersedia kepada pelanggan yang layak dari 23 November 2020.</p>   |
| 4.  | Bagaimana untuk memohon bantuan ini dan bagaimana pengesahan akan diberitahu? | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Klik di <a href="#">sini</a> untuk ke aplikasi permohonan atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 03-20963000 untuk sebarang maklumat lanjut</li> <li>b. Pelanggan boleh mengesahkan bantuan yang diperlukan pada bila-bila masa dari 23 November 2020: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bantuan ini akan tersedia untuk bayaran bulan Disember 2020 dan seterusnya;</li> <li>ii. Bayaran bulanan akan bermula pada bulan seterusnya.</li> </ul> </li> <li>c. Pelanggan akan dinasihati dan perlu memperakui/bersetuju yang: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jumlah bayaran bulanan dan/atau tempoh pembiayaan akan dilaras dan menunjukkan peningkatan kos keseluruhan pembiayaan; dan</li> <li>ii. Dokumen atau perjanjian baru perlu ditandatangani selaras dengan keperluan perundangan dan Shariah sebelum bantuan bermula; dan</li> <li>iii. Maklumat terperinci atas penambahan kos untuk bantuan ini akan diberikan, sebelum pilihan dipersetujui. Ini termasuk maklumat lengkap jadual (tempoh) bayaran, dan bayaran bulanan atau sebarang bayaran penuh di masa hadapan; dan</li> <li>iv. Perakuan pelanggan ke atas pilihan mereka akan disahkan dalam tempoh 24 jam melalui SMS dan pelanggan perlu membalas SMS tersebut dalam masa 24 jam juga.</li> <li>v. Manakala bagi permohonan lanjutan, tertakluk kelulusan berdasarkan kes-kes tertentu.</li> </ul> </li> </ul> |

| No. | Soalan   | Jawapan   |
|-----|--|---|
| 5.  | Bilakah penangguhan bayaran (moratorium) atau pengurangan bayaran bulanan akan bermula?  | <p>Bagi permohonan yang diterima sebelum 20 haribulan, moratorium atau pengurangan bulanan akan bermula pada bulan berikutnya.</p> <p><b>Contoh</b><br/><b>Permohonan yang diterima dari 1 hingga 20 Mei 2021, penangguhan atau pengurangan akan bermula mulai Jun 2021.</b></p> <p>Sekiranya permohonan diterima selepas 20 haribulan, moratorium atau pengurangan bulanan akan bermula pada 2 bulan berikutnya.</p> <p><b>Contoh</b><br/><b>Permohonan yang diterima dari 21 hingga akhir Mei 2021, penangguhan atau pengurangan mulai Julai 2021.</b></p>  |
| 6.  | <p>Saya mempunyai pembiayaan yang secara automatik dipotong dari gaji saya.</p> <p>Bilakah arahan untuk menghentikan atau mengurangkan pemotongan bermula?</p>               | <p>Bagi pelanggan di bawah skim pemotongan gaji (BIRO / AG / Majikan), jika permohonan diterima sebelum 10 haribulan, potongan gaji akan dihentikan atau dikurangkan pada bulan berikutnya.</p> <p><b>Contoh</b><br/><b>Permohonan yang diterima dari 1 hingga 10 Mei 2021, penangguhan atau pengurangan mulai Jun 2021.</b></p> <p>Sekiranya permohonan diterima selepas 10 haribulan, potongan gaji akan dihentikan atau dikurangkan dua (2) bulan berikutnya.</p> <p><b>Contoh</b><br/><b>Permohonan yang diterima dari 11 hingga akhir Mei 2021, penangguhan atau pengurangan mulai Julai 2021.</b></p> |
| 7.  | Akaun pembiayaan saya mempunyai perlindungan MRTA/Takaful sehingga tamat tempoh pembiayaan sedia ada. Adakah tempoh MRTA/Takaful akan diselaraskan mengikut tempoh lanjutan? | <p>Tidak, perlindungan MRTA/Takaful tidak akan dilanjutkan bagi tempoh lanjutan pembiayaan.</p> <p>Sekiranya Pelanggan ingin menambah perlindungan untuk tempoh lanjutan pembiayaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-20963000 untuk mengetahui lebih lanjut.</p>  |
| 8.  | Sekiranya keadaan kewangan saya telah stabil semula, bolehkan saya memohon untuk pendekkan pembiayaan saya.?   | Ya, sekiranya kewangan anda telah stabil sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-20963000 untuk bantuan lanjut.  |

\*Untuk tujuan Soalan Lazim ini, harap maklum mengenai perkara berikut:

1. Istilah akaun konvensional yang digunakan adalah dimaksudkan dan merujuk kepada akaun konvensional dibawah Malaysia Building Society Berhad (No. Pendaftaran: 197001000172/9417-K); dan
2. Istilah Islamik/ Shariah yang digunakan adalah dimaksudkan dan merujuk kepada akaun Islam dibawah MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200501033981/716122-P).

## Bantuan Bayaran Fleksibel

### Proses ringkas untuk kesulitan kewangan/ Pengurangan gaji untuk kategori M40

| No. | Soalan  | Jawapan  |
|-----|---|--|
| 1.  | Siapakah pelanggan di bawah kategori M40 yang layak menerima bantuan? | <p>M40 adalah individu/pelanggan yang berdaftar dalam pangkalan data 'Bantuan Prihatin Nasional (BPN):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Isi-rumah (pendapatan bulanan RM4,001.00 hingga RM8,000.00); atau</li> <li>Bujang (pendapatan bulanan RM2,001.00 hingga RM4,000.00).</li> </ol>  |
| 2.  | Apakah proses yang dipermudahkan?                                     | <ol style="list-style-type: none"> <li>Klik di <a href="#">sini</a> untuk ke aplikasi permohonan atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 03-20963000 untuk sebarang maklumat lanjut</li> <li>Pelanggan boleh mengesahkan bantuan yang diperlukan pada bila - bila masa dari 23 November 2020: Bantuan ini akan tersedia untuk bayaran bulan Disember 2020</li> <li>Pelanggan akan dinasihati dan perlu memperakui/bersetuju yang: <ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah bayaran bulanan dan/atau tempoh pembiayaan akan dilaras dan menunjukkan peningkatan kos keseluruhan pembiayaan; dan</li> <li>Dokumen atau perjanjian baru perlu ditandatangani selaras dengan keperluan perundangan dan Syariah sebelum bantuan bermula; dan</li> <li>Maklumat terperinci atas penambahan kos untuk bantuan ini akan diberikan, sebelum pilihan dipersetujui. Ini termasuk maklumat lengkap jadual (tempoh) bayaran, dan bayaran bulanan atau sebarang bayaran penuh di masa hadapan; dan</li> <li>Perakuan pelanggan ke atas pilihan mereka akan disahkan dalam tempoh 24 jam melalui SMS dan pelanggan perlu membalas SMS tersebut dalam masa 24 jam juga.</li> <li>Manakala bagi permohonan lanjutan, tertakluk kelulusan berdasarkan setiap permohonan.</li> <li>MBSB/MBSB Bank berhak meminta dokumen sokongan (contoh: penyatagaji atau penyata bank) bagi permohonan ini untuk pengesahan.</li> </ol> </li> </ol> |
| 3.  | Apakah bantuan yang tersedia?   | <p>50% pengurangan bayaran bulanan sehingga 6 bulan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan boleh memohon peratus pengurangan yang lebih rendah; dan</li> <li>Keuntungan akan terus terakru pada perbezaan jumlah; dan</li> <li>Pengstruktur semula pembiayaan dengan penambahan kadar keuntungan/kos berdasarkan perubahan pembiayaan (lanjutan tempoh pembiayaan) pada kontrak aliran tunai.</li> </ol> <p>Bantuan ini akan tersedia kepada pelanggan yang layak dari 23 November 2020.</p>  |
| 4.  | Bilakah pengurangan bayaran bulanan akan bermula?                     | <p>Bagi permohonan yang diterima sebelum 20 haribulan, potongan gaji akan dikurangkan pada bulan berikutnya.</p> <p><b>Contoh</b><br/> <b>Permohonan yang diterima dari 1 hingga 20 Mei 2021, penangguhan atau pengurangan mulai Jun 2021.</b></p> <p>Sekiranya permohonan diterima selepas 20 haribulan, potongan gaji akan dikurangkan selepas 2 bulan.</p> <p><b>Contoh</b><br/> <b>Permohonan yang diterima dari 21 hingga akhir Mei 2021, penangguhan atau pengurangan mulai Julai 2021 (untuk 6 bulan sahaja).</b></p>   |

| No. | Soalan  | Jawapan   |
|-----|---|---|
| 5.  | <p>Saya mempunyai pembiayaan yang secara automatik dipotong dari gaji saya. Bilakah arahan untuk mengurangkan pemotongan bermula?</p>   | <p>Bagi permohonan diterima sebelum 10 haribulan, potongan gaji akan dikurangkan pada bulan berikutnya.<br/> <b>Contoh</b><br/> <b>Permohonan yang diterima dari 1 hingga 10 Mei 2021, penangguhan atau pengurangan mulai Jun 2021.</b></p> <p>Sekiranya permohonan diterima selepas 10 haribulan, potongan gaji akan dikurangkan selepas 2 bulan.<br/> <b>Contoh</b><br/> <b>Permohonan yang diterima dari 11 hingga akhir Mei 2021, penangguhan atau pengurangan mulai J u l a i 2021 (untuk 6 bulan sahaja).</b></p> |
| 7.  | <p>Akaun pembiayaan saya mempunyai perlindungan MRTA/Takaful sehingga tamat tempoh pembiayaan sedia ada. Adakah tempoh MRTA/Takaful akan diselaraskan mengikut tempoh lanjutan?</p> | <p>Tidak, perlindungan MRTA/Takaful tidak akan dilanjutkan bagi tempoh lanjutan pembiayaan.</p> <p>Sekiranya Pelanggan ingin menambah perlindungan untuk tempoh lanjutan pembiayaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-20963000 untuk mengetahui lebih lanjut.</p>  |
| 8.  | <p>Sekiranya keadaan kewangan saya telah stabil semula, bolehkan saya memohon untuk pendekkan pembiayaan saya.?</p>   | <p>Ya, sekiranya kewangan anda telah stabil sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-20963000 untuk bantuan lanjut.</p>   |

\*Untuk tujuan Soalan Lazim ini, harap maklum mengenai perkara berikut:

1. Istilah akaun konvensional yang digunakan adalah dimaksudkan dan merujuk kepada akaun konvensional dibawah Malaysia Building Society Berhad (No. Pendaftaran: 197001000172/9417-K); dan
2. Istilah Islamik/ Shariah yang digunakan adalah dimaksudkan dan merujuk kepada akaun Islam dibawah MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200501033981/716122-P).